



## SIARAN MEDIA

### PENGGUNAAN TERMA “MERDEKA”

Merujuk kepada satu emel bertarikh 4 Julai 2018 yang telah dikeluarkan berkenaan penggunaan terma sambutan “Hari Kebangsaan” 2018.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) selaku Urus Setia Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia ingin menjelaskan bahawa **TIADA LARANGAN** penggunaan terma “Merdeka” bagi merujuk kepada sambutan Hari Kebangsaan. Orang ramai boleh menggunakan terma “Hari Kemerdekaan”, “Hari Kebangsaan” dan “Hari Malaysia” untuk mengadakan program-program atau acara berkaitan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia bagi menyemarakkan dan menggelorakan semangat patriotik.

Orang ramai juga digalakkan untuk bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang di premis masing-masing bagi menzahirkan semangat patriotisme dan menyokong kempen Kibar Jalur Gemilang 2018.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sekretariat Merdeka di talian 03-89115680/5684/5679 atau emel kepada [sekretariatmerdeka@gmail.com](mailto:sekretariatmerdeka@gmail.com).

# # #

Disediakan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia  
PUTRAJAYA

Tel : 03-8911 5198/5184/5206

Emel : [ukk@kkmm.gov.my](mailto:ukk@kkmm.gov.my)